

Headline	Cadang TNB perkenal skim Smart Saver		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	16
ArticleSize	187 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,921		



# Cadang TNB perkenal skim 'Smart Saver'

**Tenaga** Nasional Berhad (TNB) perlu memperkenalkan skim 'Smart Saver' untuk kumpulan berpendapatan sederhana yang tinggal di bandar kerana ia berupaya mengurangkan beban mereka selepas pelarasan kenaikan tarif elektrik berkuat kuasa 1 Januari 2014.

Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (**gambar**), berkata ini kerana sistem diguna pakai di Australia itu membolehkan pengguna menikmati diskaun jika membuat bayaran awal bil elektrik bulanan mereka.

Beliau berkata, pengguna akan diberikan diskaun antara lima hingga tujuh peratus daripada jumlah bil yang dicaj, sekali gus ia dapat mengurangkan beban bulanan yang perlu ditanggung akibat kenaikan itu.

**Bantu kurangkan beban**  
"Kenaikan tarif elektrik bukan

saja memberi kesan kepada peningkatan bil elektrik rumah, tetapi juga kenaikan harga barang, selain kemungkinan peningkatan tambang pengangkutan awam.

"Jadi, Smart Saver ini dapat membantu mengurangkan beban pengguna berpendapatan sederhana, namun ia hanya tertakluk kepada pelanggan biasa dan bukannya dalam kalangan sektor industri.

"Pembayaran awal mudah dilaksanakan kerana mereka boleh melakukannya menggunakan sistem perbankan elektronik," katanya menerusi kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Isnin lalu, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, mengumumkan kadar purata tarif elektrik di Semenanjung naik 4.99 sen atau 14.89 peratus iaitu daripada kadar purata semasa 33.54 sen/kwj kepada 38.53 sen/kwj berkuat

kuasa 1 Januari depan.

## Lindungi kebajikan pengguna

Bagaimanapun, bagi melindungi kebajikan pengguna terutama golongan berpendapatan rendah, tiada kenaikan tarif elektrik dialami 70.67 peratus atau 4.56 juta pengguna daripada keseluruhan 6.45 juta pengguna domestik di Semenanjung dan 62 peratus atau 260,000 pengguna daripada 418,000 pengguna domestik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang menggunakan elektrik pada kadar 300kwj dan ke bawah.

Reezal Merican berkata, mengikut Indeks Harga Pengguna isi rumah di Malaysia membabitkan tiga komponen iaitu makanan dan minuman bukan alkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api serta pengangkutan yang menyebabkan kesannya bakal melebihi jangkaan.

Headline	Cadang TNB perkenal skim Smart Saver		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	16
ArticleSize	187 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,921		

